telah memberi amaran kepadanya supaya jangan meninggalkan rumah itu, dengan akibat-akibat yang akan berlaku sekiranya dia berbuat demikian. Mungkin Pejabat Agama dan polis sedang memerhati gerak-geri pemohon dan Ilyas untuk mencegah sesuatu yang tidak diingini di antara mereka. Tetapi dari surat-surat itu saya nampak situasi dimana pemohon boleh lepas dari rumah itu sekiranya dia berdegil, dan jika dia masih berada di situpun, walaupun dia tidak suka dan ingin sangat hendak kembali kepada Ilyas, sebabnya ialah kerana dia tidak mahu menentang apa yang telah diaturkan untuk kebaikan dirinya sendiri dan Ilyas.

Atas sebab-sebab itu saya tidak nampak permohonan ini menzahirkan alasan-alasan faktual yang cukup bagi mengeluarkan writ *habeas corpus* dan saya menolaknya tanpa perlu mendengar jawapan responden, yang belum disampaikan permohonan ini.

KAMARUDIN & PARTNERS
(DIDAKWA SEBAGAI FIRMA)

lwn.

BONG NYUK LAN DAN SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI , MELAKA
DATO' HJ. MOHD. NOOR
BIN HJ. AHMAD H.
[RAYUAN SIVIL NO. 12-3-1988]
13 OGOS 1993

AMALAN DAN PROSEDUR - Garnismen - Tindakan garnismen oleh kreditor tidak terjamin - Aset berada ditangan penerima dan pengurus - Urusan pembayaran keutamaan belum selesai - Sama ada perintah garnismen mutlak patut dibuat - Sama ada penerima dan pengurus terhutang kepada garnisi semasa perintah garnismen nisi - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi, 1980; Aturan 49 kaedah 1.

Pada 20 Januari 1988 garnisi dalam kes ini telah melaksanakan satu debentur diatas aset-asetnya bagi manafaat Malayan Banking Berhad (MBB) berhubung dengan satu pinjaman tetap dan kemudahan overderaf. Pada 10 Oktober 1989 MBB telah melantik penerima dan pengurus untuk mengendalikan aset yang dicagar oleh garnisi setelah garnisi gagal membayar hutangnya. Penerima dan pengurus diberi kuasa, antara lain, untuk menjalankan perniagaan garnisi dan menjual aset-asetnya yang berkaitan serta membuat pembayaran-pembayaran keutamaan berikut:

i) Membayar tuntutan kreditor-kreditor terjamin yang mempunyai prioriti keatas debentur tersebut;

ii) Membayar segala kos dan perbelanjaan berkaitan dengan perlantikan penerima dan pengurus termasuk upah yang menasabah kepada penerima dan pengurus;

iii) Membayar faedah MBB; dan

iv) Membayar hutang pokok kepada MBB.

Pada 29 Januari 1988, iaitu selepas debentur berkenaan dilaksanakan, penghutang penghakiman telah mendapat satu penghakiman sebanyak RM24,520 terhadap garnisi. Penghutang penghakiman sendiri, bagaimanapun, kemudiannya telah diperintahkan membayar kepada pemiutang penghakiman sebanyak RM5,298 berikutan kegagalan tuntutannya terhadap pemiutang

penghakiman. Pemiutang penghakiman memperolehi penghakiman ini pada 23 Januari 1990, iaitu setelah perlantikan penerima dan pengurus berkuatkuasa.

Pemiutang penghakiman mengambil tindakan garnismen terhadap garnisi bagi menahan aset garnisi dan bagi mendapatkan bayaran sebanyak RM5,298 dari aset tersebut.

Perintah garnismen untuk menunjukkan sebab telah dikeluarkan terhadap garnisi dan pada 15 Julai 1991 perintah garnismen mutlak terhadap garnisi dibuat oleh Penolong Kanan Pendaftar. Garnisi merayu terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar itu dan soalan yang timbul adalah samaada perintah garnismen mutlak tersebut, dalam keadaan yang wujud semasa ianya dibuat, patut dibuat atau pun tidak.

Diputuskan:

[1] Oleh sebab debentur tersebut dilaksanakan sebelum penghutang penghakiman mendapat penghakiman terhadap garnisi, hutang garnisi kepada penghutang penghakiman tidak mempunyai prioriti keatas debentur itu dan oleh kerana penghutang penghakiman bukanlah seorang kreditor terjamin hak penghutang penghakiman untuk mendapat bayaran dibawah penghakiman tersebut adalah tertangguh sehingga segala bayaran keutamaan dibawah debentur tersebut dibuat, jika ada baki.

[2] Oleh kerana pemiutang penghakiman mendapat penghakiman terhadap penghutang penghakiman selepas penerima dan pengurus dilantik dan oleh sebab ia juga merupakan seorang kreditor yang tidak terjamin, kedudukannya juga adalah sama dengan penghutang penghakiman. Dan lagi, oleh kerana penghutang penghakiman ketika ini tidak boleh memperkuatkuasakan penghakiman yang diperolehi terhadap garnisi, pemiutang penghakiman juga tidak boleh menahan wang dan aset yang ada dalam tangan garnisi.

[3] Penerima dan pengurus masih belum menyelesaikan bayaran-bayaran seperti yang dikehendaki oleh klausa 14 debentur dan baki sebenar dalam tangan penerima dan pengurus belum dapat ditentukan lagi. Oleh itu setakat ini tiada sebarang hutang telah terakru dari penerima dan pengurus kepada garnisi.Oleh yang demikian juga, ketika perintah garnismen untuk menunjukkan sebab diserahkan kepada penerima dan pengurus, tidak terdapat apa-apa hutang dari penerima dan pengurus kepada garnisi dalam ertikata Aturan 49 Kaedah 1, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, 1980.

[Rayuan dibenarkan.Perintah Garnismen Mutlak diketepikan].

Kes-kes yang dirujuk:
*Seabrook Estate Co. Ltd v Ford [1949] 2 All. ER 94 (**dirujuk**).*

Perundangan yang dirujuk:
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Aturan 49 Kaedah 1.
Akta Syarikat 1965, s. 108.

Sumber lain yang dirujuk:
Halsbury's Laws of England, Edisi keempat, Jilid. 17, para. 529.

Bagi pihak perayu - Ajit Kumar; T/n Chooi & Co.
Bagi pihak responden - G. Krishnan;T/n Krishnan & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Mohd. Noor b. Hj. Ahmad H:

Ini adalah rayuan oleh garnisi terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang telah membuat perintah garnismen mutlak terhadapnya.

Secara ringkas fakta-fakta kes adalah seperti berikut:

Pada 20 Januari 1988 Perniagaan Muda Bumi Sdn.Bhd. (selepas ini disebut 'syarikat itu') telah melaksanakan (executed) satu debentur diatas aset-asetnya yang terapung (its floating assets) bagi menafaat Malayan Banking Berhad mengenai satu pinjaman tetap dan kemudahan overderaf. Pada 29 Januari 1988 dalam Saman No. 63-447-1986 dimana penghutang penghakiman membuat tuntutan terhadap syarikat itu dan pemiutang penghakiman berkaitan dengan pembelian sebuah rumah, Mahkamah Sesyen telah memerintahkan syarikat itu membayar balik wang sebanyak RM24,520 bersama faedah dan kos kepada penghutang penghakiman akan tetapi menolak tuntutan penghutang penghakiman terhadap pemiutang penghakiman dengan kos. Penghutang penghakiman membuat rayuan terhadap perintah yang menolak tuntutannya terhadap pemiutang penghakiman. Pada 10 Oktober 1989, Malayan Banking Berhad melantik

penerima dan pengurus mengikut haknya dibawah debentur tersebut kerana syarikat itu gagal membayar hutang berkenaan. Pada 23 Januari 1990, rayuan penghutang penghakiman diperintah membayar kos kepada pemiutang penghakiman sebanyak RM5,298 serta faedah. Pada 7 Mei 1991, satu perintah garnismen untuk menunjukkan sebab dikeluarkan terhadap garnisi dan pada 15 Julai, 1991 satu perintah garnismen mutlak dibuat oleh Penolong Kanan Pendaftar terhadap garnisi.

Dari fakta-fakta tersebut adalah nyata bahawa:

(1) Syarikat itu adalah berhutang kepada penghutang penghakiman sebanyak RM24,520 bersama faedah dan kos, dan penghutang penghakiman ada berhutang kepada pemiutang penghakiman sebanyak RM5,298 serta faedah.

(2) Debentur tersebut dilaksanakan sebelum penghutang penghakiman mendapat penghakiman terhadap syarikat itu. Oleh itu, penghutang penghakiman bukanlah seorang kreditor terjamin (secured creditor) bagi maksud debentur tersebut.

(3) Penerima dan pengurus bagi syarikat itu dilantik sebelum pemiutang penghakiman mendapat penghakiman tentang kos dan faedah terhadap penghutang penghakiman. Oleh itu, caj terapung dibawah debentur tersebut telah pun terlebih dahulu menjadi lebih pasti (crystallized).

(4) Perintah garnismen untuk menunjukkan sebab dan perintah garnishmen mutlak dibuat selepas penerima dan pengurus dilantik bagi syarikat itu.

Soal yang perlu diputuskan dalam rayuan ini ialah samada perintah garnismen mutlak itu patut dibuat memandangkan kepada fakta-fakta kes ini.

Saya berpendapat bahawa:

(1)(a) Klausa-klausa 12 dan 14 dalam debentur tersebut berbunyi seperti berikut:

Power of Receiver and/or Manager

12. A Receiver and/or Manager or Receivers and/or Managers so appointed shall be the agent of the Company and shall have power:-

(a) to take possession of and get in all or any of the assets of the Company hereby charged;

(b) to carry on or concur in carrying on the business of the Company;

(c) to sell or concur in selling any of the assets hereby charged. In exercising the power of sale hereby conferred the Receiver and/or Manager or Receivers and/or Managers may sell at such time and in such manner and at such price as he or they may in his or their absolute discretion think fit and they may have regard to the views and desires of the Bank. The Receiver and/or Manager or Receivers and/or Managers shall not be accountable for any loss or damage which may be suffered by the Company by reason of the exercise of such discretion;

(d) to make any arrangement or compromise which he or they may think fit, bring, take, defend, discontinue any actions, suits or proceedings whatsoever civil or criminal in relation to the assets charged hereunder;

(e) to appoint managers, agents, officers, servants and workmen for any of the aforesaid purposes at such salaries and for such periods as he or they may determine;

(f) to do all such other reasonable acts and things as may be considered to be incidental or conducive to any of the matters or powers aforesaid and which he or they lawfully may or can do as agent of the Company.

Proceeds of Sale

14. The nett profits of carrying on the said business and nett proceeds of any sale shall be applied by the Receiver and/or Manager or Receivers and/or Managers subject to the claims of all secured creditors (if any) ranking in priority to this debenture:

FIRSTLY in payment of all costs, charges and expenses of and incidental to the appointment of the Receiver and/or Manager or Receiver and/or Managers and the exercise by him or them of all or any of the powers aforesaid including the reasonable remuneration of the Receiver and/or Manager or Receivers and/or Managers and all outgoings properly incurred by him or them;

SECONDLY in or towards payment to

the bank of all interest remaining unpaid in respect of the said balance of the Company's accounts current for the time being with the bank;

THIRDLY in or towards payment to the bank of all principal moneys due to the Bank and intended to be hereby secured **provided always** that if the Bank shall be of the opinion that the security may prove deficient, payments may be made to the Bank at the request of the bank on account of prin cipal before the interest but such alteration in the order of payment shall not prejudice the right of the Bank to receive the full amount to which it would have been entitled if the primary order of payment had been observed or any lesser amount which the sum ultimately realised from the security may be sufficient to pay.

Dari terma-terma itu adalah jelas bahawa penerima dan pengurus yang dilantik itu adalah agen kepada syarikat itu dan diberi kuasa, diantara lain, untuk menjalankan perniagaan syarikat itu dan menjualkan aset-aset syarikat yang dicagar itu. Dan segala untung bersih dalam perniagaan itu serta pendapatan bersih dari sebarang jualan aset syarikat itu, hendaklah digunakan untuk membuat bayaran seperti berikut:

(i) terhadap tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh kreditor-kreditor terjamin (jika ada) yang mempunyai prioriti ke atas debentur tersebut.

(ii) terhadap segala kos dan perbelanjaan berkaitan dengan perlantikan penerima dan pengurus dan perbelanjaan mengurus mengikut kuasa yang diberi termasuk upah yang menasabah kepada penerima dan pengurus.

(iii) terhadap faedah Bank.

(iv) terhadap hutang pokok kepada bank.

Oleh sebab debentur tersebut dilaksanakan sebelum penghutang penghakiman mendapat penghakiman terhadap syarikat itu, hutang syarikat itu tidak mempunyai prioriti keatas debentur itu dan juga oleh kerana penghutang penghakiman bukanlah seorang kreditor terjamin hak penghutang penghakiman untuk mendapat bayaran dibawah penghakiman tersebut adalah tertangguh sehingga segala bayaran keutamaan dibawah debentur tersebut dibuat, jika ada baki. Tentang pemiutang penghakiman pula, oleh sebab penghakiman terhadap penghutang penghakiman dibuat selepas penerima dan pengurus dilantik dan oleh sebab ia juga merupakan seorang kreditor yang tidak terjamin nasibnya adalah juga seperti penghutang penghakiman. Dan lagi oleh sebab penghutang penghakiman ketika ini tidak boleh memperkuatkuasakan penghakiman yang diperolehi terhadap syarikat itu, pemiutang penghakiman juga tidak boleh menahan (attach) wang yang ada dalam tangan syarikat itu. Sila lihat **Halsbury's Laws of England** edisi keempat jilid. 17 perenggan 529 yang berbunyi:

> **Debt must be enforceable by debtor**. The debt must be one which the judgment debtor could himself enforce within the jurisdiction for his own benefit, for the creditor acquires no greater rights than those of the debtor. If, therefore the debt is due to the judgment debtor in the capacity of a trustee only, a garnishee order ought not to be made absolute, although an *order nisi* will attach a debt due to the judgment debtor as trustee. If the debtor has parted with the debt by assigning it, it cannot be attached.

(b) Peguam pemiutang penghakiman dalam hujahnya menekankan bahawa hak pemiutang penghakiman mempunyai prioriti keatas debentur tersebut kerana ekspresi 'nett profits' yang terdapat dalam Klausa 14 adalah termasuk segala kos operasi (operating costs) dan kos guaman (legal fees) adalah termasuk dalam gulungan kos operasi. Oleh itu, untung bersih dalam perniagaan itu hendaklah digunakan untuk membayar obligasi syarikat itu terhadap kreditor-kreditor yang tidak terjamin dahulu sebelum dibayar kepada pemegang debentur tersebut dan kepada kreditor-kreditor terjamin. Jikalau tidak, kreditor-kreditor yang tidak terjamin boleh membuat permohonan untuk menggulung syarikat itu. Saya tidak dapat menerima hujah beliau itu kerana (i) penghakiman kos

guaman yang diperolehi oleh pemiutang penghakiman adalah dibuat terhadap penghutang penghakiman dan bukan terhadap syarikat itu dan (ii) ianya bertentangan dengan kehendak dan maksud Klausa 14 itu.

(2) Penyata akaun penerimaan dan pembayaran bagi syarikat itu oleh penerima dan pengurus telah dibentangkan dalam lampiran (52) Eksibit RA - 3. Dari penyata itu saya berpuas hati bahawa sehingga ketika ini bayaran-bayaran sepertimana dikehendaki oleh Klausa 14 belum selesai dibuat dan baki sebenar dalam tangan penerima dan pengurus belum dapat ditentukan lagi. Oleh itu, setakat ini tiada sebarang hutang telah ujud atau terakru (accrued) dari penerima dan pengurus kepada syarikat itu. Oleh yang demikian, ketika perintah garnismen untuk menunjukkan sebab diserahkan kepada penerima dan pengurus, tidak terdapat apa-apa hutang dari penerima dan pengurus kepada syarikat itu dalam ertikata Aturan 49 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Dalam kes *Seabrook Estate Co. Ltd. lwn. Ford* [1949] 2 All ER 94, seorang pemiutang penghakiman telah mengambil tindakan garnismen terhadap penerima dan pengurus yang dilantik dibawah suatu debentur. Ketika itu, bayaran-bayaran yang perlu dibuat di bawah debentur itu belum selesai dan perlantikan penerima dan pengurus itu belum ditamatkan. Hakim Hallet memutuskan:

> .....In my view, it is not correct to say that a receiver for debenture holders is a debtor to the company from time to time of such sum as may ultimately prove to be the balance in his hand after payment of preferential claims and after the discharge of whatever may be due to debenture holders in respect of principal and interest. A time may come when the receiver for the debenture holders will become the debtor to the company, but I do not think that that time had arrived on 22 February, 1949. For these reasons, I hold that at the material date there was no debt owing or accruing from the receiver to the company within the meaning of R.S.C. Ord. 45. r.1, and, accordingly, the *order nisi* must be discharged.

Saya tidak memberi sebarang pertimbangan kepada hujah Peguam pemiutang penghakiman yang mengatakan bahawa debentur tersebut tidak sah terhadap pihak ketiga dibawah seksyen 108 Akta Syarikat 1965 kerana tidak terdapat bukti yang debentur tersebut telahpun didaftarkan dengan Pendaftar Syarikat. Ini adalah kerana isu fakta itu dibangkitkan kali pertama dalam rayuan ini.

Oleh yang demikian, rayuan dibenarkan dengan kos termasuk kos dihadapan Penolong Kanan Pendaftar. Kos hendaklah dibayar oleh pemiutang penghakiman kerana ia sepatutnya tahu menahu tentang keadaan syarikat itu ketika prosiding garnismen diambil olehnya dan sepatutnya tahu tentang akibatnya. perintah garnismen mutlak dan perintah mengenai kos yang dibuat oleh Penolong Kanan Pendaftar diketepikan.